



**KEMENTERIAN PERTAHANAN PERKENALKAN PROGRAM IKHTIAR AUTISME  
ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (IA-ATM)**

1. **PERAK, 7 April 2026** – Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Adly Zahari telah menyempurnakan Majlis Peluncuran **Program Ikhtiar Autisme Angkatan Tentera Malaysia (IA-ATM)** di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Lautan Kasih Pangkalan TLDM Lumut.
2. Program IA-ATM merupakan inisiatif baharu Kementerian Pertahanan (MINDEF) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan National Autism Society of Malaysia (NASOM). Program ini dibiayai oleh Lembaga Tabung Haji (TH) sebagai sebahagian daripada komitmen sukarela syarikat terhadap tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada masyarakat.
3. IA-ATM memfokuskan kanak-kanak autisme dikalangan anak-anak Warga Kerja Pertahanan (WKP) berusia tiga hingga 15 tahun khususnya yang berada di kem-kem ATM. Objektif program antaranya ialah mendengar dan mendapatkan input berkenaan **keperluan kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak autisme** daripada ibu bapa dan guru-guru serta **mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat** mengenai tanggungjawab sosial ke atas anak-anak istimewa ini. Melaluinya juga ia dapat **membina jaringan kerjasama** antara MINDEF dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi menyediakan kemudahan, bimbingan serta bantuan yang diperlukan.
4. Sebagai pengenalan, IA-ATM dilaksanakan di PPDK Lautan Kasih Pangkalan TLDM Lumut, Perak bermula 14 Julai 2025 hingga 7 Mei 2026 dan PPDK Umi Kem Terendak, Melaka bermula 4 Ogos 2025 hingga 4 Jun 2026. Seramai 10 kanak-kanak autisme di setiap PPDK menjalani sesi Pelajaran-Terapi merangkumi 12 modul baharu yang direka khusus oleh pihak NASOM bagi program ini.
5. Inisiatif ini bukan sahaja menyokong kanak-kanak berkeperluan khas (KBK) tetapi turut memberi penekanan kepada keupayaan KBK mengembangkan bakat dan potensi diri agar berupaya mencapai potensi penuh bagi diintegrasikan dalam masyarakat. Selain itu ia turut membuka ruang kepada tenaga pengajar meneroka kaedah dan modul pengajaran baharu yang bersesuaian mengikut kecenderungan dan potensi murid. Usaha ini juga menyokong inisiatif memperkukuh kerjasama di antara ATM dengan agensi awam dan pihak swasta melalui pendekatan *Civil Military Corporation* (CIMIC).
6. Turut hadir, Panglima Armada Barat; Laksamana Madya Dato' Baharudin bin Wan Md Nor, Ketua Syariah Kumpulan TH; Ustaz Imran Mohamad Khayat, Penaung NASOM; Dato' Megat Ahmad Shahrani bin Megat Sharuddin, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Manjung, JKM Negeri Perak; Puan Nor Amelia binti Ali dan seluruh warga PPDK Lautan Kasih Pangkalan TLDM Lumut.

**-TAMAT-**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**